

## **Penghayatan Akidah dalam Pengajaran Ayat Kefahaman Pengajian Al-Quran di Kalangan Murid Tingkatan Empat di SMKA di Sabah**

***Naziratul Izzati Ani & Azmil Hashim***

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*nurimanseri@gmail.com*

### **ABSTRAK**

Penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kajian berkaitan dengan perhayatan akidah dalam pengajaran ayat kefahaman Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah berdasarkan persepsi murid tingkatan empat di SMKA di Sabah. Penghayatan akidah dalam kajian ini dilihat daripada tiga aspek iaitu kognitif (kefahaman), afektif (perasaan) dan psikomotor (amalan). Seramai 254 murid tingkatan empat yang terlibat dalam kajian ini yang dipilih secara rawak berstrata dan berkelompok daripada seluruh negeri Sabah. Murid dikehendaki memberi respon kepada 39 indikator yang berkaitan dengan aspek akidah dalam pengajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran. Respon sekala likert lima mata digunakan dalam soal selidik. Statistik deskriptif kekerapan, peratus dan min digunakan untuk melaporkan hasil dapatan kajian. Hasil kajian menunjukkan secara keeluruhan penghayatan akidah murid berada pada tahap tinggi (min=4.13). Manakala tahap min penghayatan akidah berdasarkan aspek menunjukkan aspek kefahaman (min=4.29) dan aspek perasaan (min=4.18) pada tahap tinggi, manakala aspek amalan (min=3.91) pada tahap sederhana. Implikasi kajian ini adalah guru Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran pengajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran dengan lebih efektif untuk melahirkan murid yang tinggi tahap penghayatan akidahnya.

### **PENGENALAN**

Pembelajaran ayat kefahaman dalam komponen Pengajian al-Quran merupakan sebahagian daripada kurikulum Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah yang mula dilaksanakan pada tahun 1993. Pada tahun 2002 semakan kepada Kurikulum PQS 1993 telah dibuat. Antara matlamat semakan ini ialah agar PQS yang diajar di sekolah menengah lebih berkesan dari segi penghayatan dan berfungsi sebagai benteng keagamaan dan amalan nilai-nilai budaya bangsa (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2002). Ini bermakna setiap murid mesti digalakkan menghayati ilmu-ilmu yang diperolehi daripada mata muridan PQS agar ianya memberi manfaat kepada dirinya di dunia dan di akhirat dan menjadikannya hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa.

Matlamat yang digariskan dalam Sukatan Muridan PQS dalam kurikulum Kebangsaan adalah untuk memantapkan penguasaan ilmu melalui pembelajaran al-Quran dan al-Sunnah, dan ilmu yang berkaitan dengannya dalam memberi sumbangan kepada pembentukan dan perkembangan diri serta tamadun untuk menjadi muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh, berperibadi mulia dan bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT yang bertaqwa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Kandungan kurikulum Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah disesuaikan dengan tuntutan dan perkembangan semasa. Hasil pembelajaran murid dinyatakan dalam bentuk perlakuan konkrit dan juga dalam bentuk penghayatan yang boleh menunjukkan penguasaan aspek kognitif (kefahaman), efektif (perasaan) dan psikomotor (amalan). Perlakuan yang perlu dikuasai murid diberi penekanan menyeluruh berdasarkan bidang-bidang berikut (Azma, 2006) :

- i. Kognitif – tentang pencapaian pengetahuan dan perkembangan hasil intelek.
- ii. Afektif – tentang perkembangan perlakuan dalam minat, sikap, rohani dan emosi.
- iii. Psikomotor – tentang kebolehan amali dan perkembangan jasmani.

Kesimpulannya dalam Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah, ayat kefahaman Pengajian al-Quran merupakan satu bidang yang menekankan aspek memahami, mengamal dan menghayati kandungan al-Quran dalam kehidupan. Pembelajaran ayat-ayat al-Quran menerusi komponen ayat kefahaman Pengajian al-Quran ini diharap dapat menghasilkan penghayatan al-Quran yang tinggi di kalangan murid merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pengajaran guru yang tidak berkesan dan efektif akan membawa kesan kepada pencapaian murid lebih-lebih lagi dari sudut penghayatan murid terhadap al-Quran sebagai kitabullah. Kesannya, murid jauh daripada pengajaran, nasihat dan teguran-teguran membina daripada al-Quran. Oleh sebab itu penghayatan al-Quran di kalangan murid boleh dikatakan tergambar dalam masalah sosial dan keruntuhan moral yang semakin meningkat saban hari.

Kajian yang dijalankan oleh Yahya Abdullah (2003) mendapati murid memmuridi al-Quran tetapi tidak memahami maksud yang terkandung dalam surah yang diajar. Walaupun mereka memmuridi Pendidikan Islam yang merangkumi pelbagai aspek agama namun ia tidak mampu membentuk peribadi murid dengan akhlak yang mulia.

Ab. Halim dan Khadijah (2003) telah menjalankan kajian dan mendapati 89.8% murid memmuridi Pendidikan Islam di sekolah hanya untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Hal ini membuktikan bahawa murid lebih cenderung memmuridi Pendidikan Islam amnya untuk menghadapi peperiksaan sahaja. Kesannya penghayatan al-Quran yang kurang di kalangan murid terhadap mata muridan Pendidikan Islam di sekolah akan menyebabkan berlakunya lebih banyak kejahatan gejala sosial di masa depan.

Manakala di Sabah dalam kajian Mohd Asyraf (2010) menjelaskan bahawa pengamalan membaca al-Quran di kalangan murid-murid sekolah menengah (SMKA, SMK dan SM Teknik) di sekitar Kota Kinabalu Sabah mencatatkan min yang rendah 2.98. Ini menunjukkan murid-murid SMKA di Kota Kinabalu tidak menjadikan pembacaan al-Quran sebagai tabiat harian dalam kehidupan mereka. Tambahan beliau lagi, pengamalan nilai-nilai Islam dalam kehidupan oleh murid di sekolah-sekolah bantuan kerajaan (SMKA, SMK dan SM Teknik) di sekitar Kota Kinabalu tidak mencatatkan sebarang perbezaan. Ini menjelaskan bahawa SMKA di Kota Kinabalu tidak kehadapan dalam menanamkan nilai-nilai Islam di kalangan murid di sekolah tersebut dalam menghayati al-Quran.

Berdasarkan kajian Norhisham et. al. (2014), hasil kajian penghayatan akhlak murid di SMKA seluruh Malaysia, mendapati akhlak murid-murid SMKA di luar sekolah dan asrama berada pada tahap sederhana rendah iaitu ( $\text{min}=2.99$ ,  $\text{sp}=0.328$ ). Ini menunjukkan nilai-nilai pengamalan ajaran Islam hanya dipraktikkan dalam kawasan sekolah sahaja seperti termaktub dalam peraturan sekolah. Walaupun berada di sekolah aliran agama, murid masih tidak dapat membudayakan nilai-nilai Islam yang mengarah ke arah kebaikan dalam kehidupan murid walau di mana mereka berada. Hal ini kerana, nilai-nilai Islam yang positif tidak hanya cukup untuk dimuridi secara teori, tetapi memerlukan penghayatan dan pengamalan sepenuhnya.

Justeru, memandangkan setakat ini belum terdapat kajian terperinci yang mengkaji hasil pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran dari aspek akidah khususnya di SMKA maka pengkaji merasakan kajian ini wajar dijalankan dan merupakan satu keperluan untuk memberi gambaran sebenar hasil pembelajaran al-Quran di kalangan murid khususnya dari aspek akidah di SMKA.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan perbincangan latar belakang kajian dan pernyataan masalah, maka kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengetahui tahap kefahaman akidah murid berdasarkan pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran PQS.
- ii. Mengetahui tahap perasaan akidah murid berdasarkan pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran PQS.
- iii. Mengetahui tahap amalan akidah murid berdasarkan pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran PQS.
- iv. Mengetahui penghayatan akidah murid melalui kefahaman, perasaan dan amalan akidah berdasarkan pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran PQS.

## KAJIAN LITERATUR

Akidah yang benar dan sah adalah menjadi syarat pertama kepada pengakuan seseorang yang telah menerima Islam sebagai agama yang mengatur hidupnya (Fathi Yakan, 1992). Malah akidah menjadi asas sesuatu amalan diterima oleh Allah SWT serta membentuk diri manusia menjadi mukmin dan muslim (Haji Said, 1996). Akidah ini tidak akan berubah kerana pergantian zaman atau tempat atau kerana perbezaan golongan atau masyarakat (Sayid Sabiq, 1978).

Akidah yang sah ialah *i'tikad*; kepercayaan yang pasti dan tetap dalam hati seseorang yang tertakluk di bawahnya enam perkara yang dikenali sebagai Rukun Iman (Zakaria Stap, 1999). Menurut Haji Said (2000), yang sah ini menjadi asas agama Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah, di mana amal ibadat seseorang itu hanya sah dan diterima Allah jika terbit dari yang sah. Penekanan yang kuat terhadap kedudukan tauhid ini bertujuan mengembangkan intelek dan keupayaan fizikal manusia dan memerdekakannya supaya dia boleh menemui kebenaran serta menggunakannya menurut maksud kejadian asalnya (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1994).

Sayid Sabiq (1978) mengatakan bahawa akidah ini merupakan roh bagi setiap orang yang mana dengan berpegang teguh kepadanya ia akan hidup dalam keadaan baik dan mengembirakan. Sebaliknya jika ditinggalkan akan mematikan semangat kerohanian manusia. Malah dengan itu barulah mereka mampu menampilkan contoh tauladan yang sempurna kepada umat-umat lain dan sesuai dijadikan sebagai pedoman dan ikutan yang baik (Yusuf al-Qardhawi, 1996).

Kajian tentang Uluhiyyah dalam aliran Asya'irah telah dilakukan oleh Mohd Fauzi (2002). Hasil kajiannya mengenai mengenai peranan akidah dalam perancangan pembangunan ummah mendapati akidah adalah aset yang paling penting dalam mencorakkan kegiatan hidup manusia. Akidah mesti dijadikan teras kepada seluruh pembangunan negara dalam semua

keadaan. Penerapan nilai-nilai akidah khususnya melalui institusi pendidikan mampu mendidikan generasi muda ke arah cara dan corak hidup yang jelas dan bersepadu.

Zakaria (2005) telah menjalankan kajian mengenai kefahaman terhadap keimanan kepada Allah dan amalan harian murid, kajian kes di Perak. Tujuan kajiannya adalah untuk mengenal pasti keberkesanan kefahaman tentang keimanan kepada Allah terhadap amalan murid seharian. Hasil kajian mendapati bahawa hubungan antara kefahaman terhadap keimanan kepada Allah dengan wajib adalah sederhana manakala amalan sunat dan amalan meninggalkan larangan Allah adalah berada pada tahap yang lemah. Walau bagaimanapun tahap kesedaran murid terhadap kepentingan memmuridi muridan akidah kepada dirinya adalah berada di tahap yang tinggi.

Jaffry Awang (2008) yang membuat kajian tentang sosialisasi agama di kalangan murid-murid sekolah Menengah Agama di Selangor terhadap 600 orang. Melalui kajian tersebut di dapati murid Sekolah Menengah Agama di Selangor mencapai tahap disiplin yang tinggi serta motivasi tinggi dalam penghayatan ilmu menjadikan murid sekolah agama dilihat sebagai murid yang baik.

Daripada perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa penghayatan akidah akan menghasilkan buah-buah yang dapat dirasakan oleh individu serta dapat diperhatikan oleh orang lain (Azma Mahmood, 2006). Indikator-indikator yang menunjukkan seseorang itu menghayati akidah dapat dikesan daripada tingkah laku luaran (seperti percakapan dan perbuatan) serta dalamannya (seperti perasaan dan kepercayaan).

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian lapangan yang mengkaji tentang persepsi murid tingkatan empat di SMKA berkaitan kefahaman, perasaan dan akhlak yang berteraskan akidah. Kajian ini melibatkan seramai 254 orang responden murid. sampel kajian dipilih secara rawak berstrata dan berkelompok daripada seluruh negeri Sabah. Bahagian yang terlibat adalah Bahagian Tawau, Bahagian Sandakan, Bahagian Pantai Barat Utara, Bahagian Pantai Barat Selatan dan Bahagian Pedalaman.

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina dan diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan soal selidik Azma (2006). Keseluruhan item ialah 41 item yang mempunyai kesahan konstruk, kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Secara terperinci nilai alpha cronbach digunakan untuk mengukur nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik seperti dalam Jadual 1 di bawah. Nilai kebolehpercayaan bagi komponen kefahaman akidah ialah 0.384, perasaan akidah ialah 0.592 dan amalan akidah ialah 0.760. Analisis keseluruhan instrumen soal selidik penghayatan akidah murid menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.767.

Jadual 1: Nilai pekali kebolehpercayaan instrumen soal selidik

| Pemboleh ubah      | Nilai Alpha Conbach |
|--------------------|---------------------|
| Penghayatan akidah | 0.767               |
| Kefahaman akidah   | 0.384               |
| Perasaan akidah    | 0.592               |
| Amalan akidah      | 0.760               |

Skala likert lima mata dengan kaedah skornya ialah sangat tidak setuju (STS) dengan skor 1 mata, tidak setuju (TS) dengan skor 2 mata, kurang setuju (KS) dengan skor 3 mata, setuju (S) dengan skor 4 mata dan sangat setuju (SS) dengan skor 5 mata digunakan dalam kajian ini. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan analisis kekerapan, peratusan dan min.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperolehi telah digunakan untuk menjawab objektif kajian 1 iaitu mengenal pasti tahap kefahaman akidah murid berdasarkan pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran PQS. Jadual 2 menunjukkan secara terperinci berdasarkan nilai peratusan. Tahap skor min keseluruhan bagi kefahaman akidah murid berada pada tahap tinggi iaitu 4.29.

Jadual 2: Taburan data kefahaman akidah murid

| Kefahaman Akidah                                                         | STS<br>%   | TS<br>%    | KS<br>%    | S<br>%     | SS<br>%     | Min         | S.P               | Interpretasi        |
|--------------------------------------------------------------------------|------------|------------|------------|------------|-------------|-------------|-------------------|---------------------|
| Tugas rasul menyampaikan agama Allah kepada manusia dan jin.             | 6<br>2.4   | 8<br>3.1   | 22<br>8.7  | 47<br>18.5 | 171<br>67.3 | 4.45        | 0.947             | Tinggi              |
| Nabi Salleh a.s mengajar manusia menegakkan agama Allah SWT.             | 8<br>3.1   | 10<br>3.9  | 56<br>22.0 | 81<br>31.9 | 99<br>39.0  | 4.00        | 1.027             | Sederhana<br>Tinggi |
| *Allah memberi pahala jika menghidupkan sunnah Rasulullah SAW.           | 23<br>9.1  | 20<br>7.9  | 21<br>8.3  | 38<br>15.0 | 152<br>59.8 | 4.09        | 1.346             | Tinggi              |
| *Sunnah Rasulullah SAW sesuai dipraktikkan pada zaman kini.              | 5<br>2.0   | 3<br>1.2   | 4<br>1.6   | 9<br>3.5   | 233<br>91.7 | 4.82        | 0.699             | Tinggi              |
| Menjauhi amalan golongan munafik.                                        | 22<br>8.7  | 1<br>0.4   | 9<br>3.5   | 25<br>9.8  | 197<br>77.6 | 4.47        | 1.178             | Tinggi              |
| Golongan munafik bangga melanggar hukum agama.                           | 43<br>16.9 | 12<br>4.7  | 43<br>16.9 | 67<br>26.4 | 89<br>35.0  | 3.58        | 1.436             | Sederhana<br>Tinggi |
| Makan di siang hari pada bulan Ramadhan mempermainkan hukum Allah SWT.   | 24<br>9.4  | 16<br>6.3  | 41<br>16.1 | 46<br>18.1 | 127<br>50   | 3.93        | 1.329             | Sederhana<br>Tinggi |
| *Wajib menentang perlakuan yang mempersendakan ajaran Islam.             | 32<br>12.6 | 27<br>10.6 | 34<br>13.4 | 33<br>13.0 | 128<br>50.4 | 3.78        | 1.469             | Sederhana<br>Tinggi |
| *Tidak boleh meminta pertolongan dengan bomoh dan pawang.                | 5<br>2.0   | 5<br>2.0   | 3<br>1.2   | 8<br>3.1   | 233<br>91.7 | 4.81        | 0.732             | Tinggi              |
| *Perlu berusaha untuk mendapatkan hidayah.                               | 5<br>2.0   | 5<br>2.0   | 3<br>1.2   | 18<br>7.1  | 223<br>87.8 | 4.77        | 0.747             | Tinggi              |
| Orang beriman mentaati perintah Allah SWT.                               | 5<br>2.0   | 2<br>0.8   | 6<br>2.4   | 45<br>17.7 | 196<br>77.2 | 4.67        | 0.744             | Tinggi              |
| Taubat Nasuha dilakukan untuk menghapuskan dosa besar.                   | 32<br>12.6 | 13<br>5.1  | 17<br>6.7  | 56<br>22.0 | 136<br>53.5 | 3.99        | 1.396             | Sederhana<br>Tinggi |
| *Amal ibadah bomoh, pawang dan ahli sihir tidak diterima oleh Allah SWT. | 8<br>3.1   | 6<br>2.4   | 22<br>8.7  | 53<br>20.9 | 165<br>65   | 4.42        | 0.970             | Tinggi              |
| <b>Min keseluruhan</b>                                                   |            |            |            |            |             | <b>4.29</b> | <b>0.38<br/>5</b> | <b>Tinggi</b>       |
| *Penyata negatif yang telah dikod semula                                 |            |            |            |            |             |             |                   |                     |

Selanjutnya dapatan kajian bagi menjawab objektif ke-2 iaitu mengenal pasti tahap perasaan akidah murid berdasarkan pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran PQS ditunjukkan dalam Jadual 3. Secara keseluruhan tahap skor min perasaan akidah murid berada pada tahap tinggi iaitu 4.18. peratusan setiap item dalam perasaan akidah murid di tunjukan dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Taburan data tahap perasaan akidah murid**

| Perasaan Akidah                                                         | STS        | TS         | KS         | S          | SS          | Min         | S.P          | Interpretasi     |
|-------------------------------------------------------------------------|------------|------------|------------|------------|-------------|-------------|--------------|------------------|
| Marah apabila mendengar penghinaan kepada Rasulullah SAW.               | 1<br>0.4   | 1<br>0.4   | 7<br>2.8   | 34<br>13.4 | 211<br>83.1 | 4.78        | 0.545        | Tinggi           |
| Bangga berkongsi Rasul dengan bangsa yang lain.                         | 16<br>6.3  | 10<br>3.9  | 38<br>15   | 64<br>25.2 | 126<br>49.6 | 4.08        | 1.170        | Tinggi           |
| Suka mengamalkan sunnah.                                                | 0<br>0     | 3<br>1.2   | 77<br>30.3 | 77<br>30.3 | 97<br>38.2  | 4.06        | 0.856        | Tinggi           |
| *Bangga sunnah Rasulullah SAW sesuai diamalkan pada zaman kini.         | 75<br>29.5 | 65<br>25.6 | 30<br>11.8 | 20<br>7.9  | 64<br>25.2  | 2.74        | 1.570        | Sederhana Rendah |
| *Benci mengamalkan perbuatan golongan munafik.                          | 3<br>1.2   | 5<br>2.0   | 11<br>4.3  | 37<br>14.6 | 198<br>78.0 | 4.66        | 0.757        | Tinggi           |
| Marah mendapati golongan munafik melanggar hukum agama.                 | 17<br>6.7  | 16<br>6.3  | 45<br>17.7 | 64<br>25.2 | 112<br>44.1 | 3.94        | 1.214        | Sederhana Tinggi |
| Marah melihat orang Islam makan pada siang hari dalam bulan Ramadhan.   | 16<br>6.3  | 25<br>9.8  | 55<br>21.7 | 60<br>23.6 | 98<br>38.6  | 3.78        | 1.234        | Sederhana Tinggi |
| Sedih tidak dapat menentang perlakuan yang mempersendakan ajaran Islam. | 1<br>0.4   | 9<br>3.5   | 32<br>12.6 | 64<br>25.2 | 148<br>58.3 | 4.37        | 0.865        | Tinggi           |
| *Benci melihat aksi bomoh dan pawang.                                   | 7<br>2.8   | 7<br>2.8   | 8<br>3.1   | 23<br>9.1  | 209<br>82.3 | 4.65        | 0.888        | Tinggi           |
| Berasa bahagia jika dapat membaca al-Quran setiap kali selepas solat.   | 0<br>0     | 2<br>0.8   | 25<br>9.8  | 54<br>21.3 | 173<br>68.1 | 4.57        | 0.701        | Tinggi           |
| Suka melakukan kebaikan untuk mendapat pahala                           | 1<br>0.4   | 7<br>2.8   | 37<br>14.6 | 85<br>33.5 | 124<br>48.8 | 4.28        | 0.840        | Tinggi           |
| *Suka melakukan solat sunat Taubat apabila melakukan dosa.              | 7<br>2.8   | 25<br>9.8  | 89<br>35.0 | 63<br>24.8 | 70<br>27.6  | 3.65        | 1.071        | Sederhana Tinggi |
| Tidak berminat dengan ilmu sihir.                                       | 1<br>0.4   | 1<br>0.4   | 11<br>4.3  | 15<br>5.9  | 226<br>89.0 | 4.83        | 0.549        | Tinggi           |
| <b>Min keseluruhan</b>                                                  |            |            |            |            |             | <b>4.18</b> | <b>0.406</b> | <b>Tinggi</b>    |
| *Penyata negatif yang telah dikod semula                                |            |            |            |            |             |             |              |                  |

Objektif kajian ke-3 iaitu mengenal pasti tahap amalan akidah murid berdasarkan pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran PQS. Secara keseluruhan tahap skor min amalan akidah murid berada pada tahap sederhana iaitu 3.91. Nilai skor min ini adalah berada pada tahap paling minima dalam dapatan kajian. Manakala analisis terperinci dalam bentuk peratusan ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Taburan data tahap amalan akidah murid

| Amalan Akidah                                                            | STS       | TS         | KS          | S          | SS          | Min         | S.P          | Interpretasi                |
|--------------------------------------------------------------------------|-----------|------------|-------------|------------|-------------|-------------|--------------|-----------------------------|
| Rajin mengamalkan sunnah.                                                | 9<br>3.5  | 16<br>6.3  | 82<br>32.3  | 93<br>36.6 | 54<br>21.3  | 3.66        | 0.996        | Sederhana<br>Tinggi         |
| *Membaca kisah semua Nabi-nabi .                                         | 3<br>1.2  | 9<br>3.5   | 25<br>9.8   | 48<br>18.9 | 169<br>66.5 | 4.46        | 0.896        | Tinggi                      |
| Berselawat apabila nama Rasulullah SAW disebut.                          | 1<br>0.4  | 4<br>1.6   | 43<br>16.9  | 65<br>25.6 | 141<br>55.5 | 4.34        | 0.842        | Tinggi                      |
| *Sentiasa menziarahi saudara-mara.                                       | 2<br>0.8  | 6<br>2.4   | 31<br>12.2  | 59<br>23.2 | 156<br>61.4 | 4.42        | 0.853        | Tinggi                      |
| Menepati masa apabila berjanji.                                          | 5<br>2.0  | 31<br>12.2 | 115<br>45.3 | 68<br>26.8 | 35<br>13.8  | 3.38        | 0.937        | Sederhana<br>Tinggi         |
| Mengajak rakan bercakap benar.                                           | 5<br>2.0  | 12<br>4.7  | 97<br>38.2  | 85<br>33.5 | 55<br>21.7  | 3.68        | 0.931        | Sederhana<br>Tinggi         |
| *Tidak makan pada siang hari dalam bulan Ramadhan.                       | 2<br>0.8  | 7<br>2.8   | 39<br>15.4  | 55<br>21.7 | 151<br>59.4 | 4.36        | 0.895        | Tinggi                      |
| *Diam ketika azan berkumandang.                                          | 0<br>0    | 12<br>4.7  | 83<br>32.7  | 86<br>33.9 | 73<br>28.7  | 3.87        | 0.888        | Sederhana<br>Tinggi         |
| *Tidak berjumpa dengan bomoh dan pawang ketika mengalami gangguan halus. | 0<br>0    | 8<br>3.1   | 5<br>2.0    | 4<br>1.6   | 237<br>93.3 | 4.85        | 0.597        | Tinggi                      |
| Membaca al-Quran setiap kali selepas solat.                              | 1<br>0.4  | 30<br>11.8 | 107<br>42.1 | 76<br>29.9 | 40<br>15.7  | 3.49        | 0.910        | Sederhana<br>Tinggi         |
| Meninggalkan perbuatan mengumpat rakan-rakan.                            | 8<br>3.1  | 47<br>18.5 | 126<br>49.6 | 44<br>17.3 | 29<br>11.4  | 3.15        | 0.960        | Sederhana<br>Tinggi         |
| Melakukan solat sunat Taubat apabila melakukan dosa.                     | 22<br>8.7 | 79<br>31.1 | 99<br>39    | 27<br>10.6 | 27<br>10.6  | 2.83        | 1.080        | Sederhana<br>Rendah         |
| Berdoa dijauhkan dari perbuatan mensyirikkan Allah SWT.                  | 8<br>3.1  | 8<br>3.1   | 22<br>8.7   | 57<br>22.4 | 159<br>62.6 | 4.38        | 0.990        | Tinggi                      |
| <b>Min keseluruhan</b>                                                   |           |            |             |            |             | <b>3.91</b> | <b>0.463</b> | <b>Sederhana<br/>Tinggi</b> |
| *Penyata negatif yang telah dikod semula                                 |           |            |             |            |             |             |              |                             |

Objektif terakhir adalah mengenal pasti penghayatan akidah murid melalui kefahaman, perasaan dan amalan akidah berdasarkan pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran PQS. Tahap min penghayatan berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.129. Skor min bagi komponen kefahaman akidah, perasaan akidah dan amalan akidah ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Taburan data penghayatan akidah murid

| Penghayatan akidah murid | Persepsi Murid |              |                  |
|--------------------------|----------------|--------------|------------------|
|                          | Min            | S.P          | Interpretasi     |
| Kefahaman akidah         | 4.29           | 0.385        | Tinggi           |
| Perasaan akidah          | 4.18           | 0.406        | Tinggi           |
| Amalan akidah            | 3.91           | 0.4.63       | Sederhana Tinggi |
| <b>Min Keseluruhan</b>   | <b>4.129</b>   | <b>0.321</b> | <b>Tinggi</b>    |

Kesimpulannya, berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa komponen kefahaman akidah mempunyai skor min yang tertinggi (min=4.29, sp=0.385). Komponen kedua tertinggi ialah perasaan akidah (min=4.18, sp=0.406), manakala komponen yang mempunyai skor min yang terendah adalah komponen amalan akidah (min=3.91, sp=0.321).

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Aspek kefahaman akidah merupakan aspek yang terpenting dalam agama kerana ia berkaitan dengan aspek kepercayaan. Kefahaman yang baik akan mendorong pengamalan selaras kefahaman yang dimiliki. Dapatan kajian menunjukkan murid tingkatan empat di SMKA di negeri Sabah memiliki kefahaman yang tinggi berkaitan dengan akidah.

Dapatan tidak boleh meminta pertolongan daripada pawang dan bomoh mencatatkan nilai min yang tinggi (min=4.81). Ini menjelaskan murid SMKA di Sabah mengetahui dan memahami bahawa memohon pertolongan selain Allah SWT merupakan perbuatan syirik dan boleh membatalkan iman. Walaupun begitu, terdapat 10 orang daripada 254 orang murid tingkatan empat SMKA di Sabah menyatakan setuju untuk boleh memohon pertolongan daripada pawang dan bomoh. Walaupun jumlah murid berpendapat demikian adalah kecil namun tidak sepatutnya murid aliran agama di SMKA beranggapan demikian setelah memmuridi mata muridan yang berteraskan al-Quran dan hadis. Selain itu, terdapat 14 orang murid daripada 254 orang murid tingkatan empat di SMKA di Sabah menyatakan amal ibadah pawang dan bomoh diterima Allah SWT. Ini menunjukkan kecelaruan kefahaman akidah yang serius walaupun dalam jumlah murid yang sedikit.

Manakala dari aspek perasaan mencatatkan murid tingkatan empat SMKA di Sabah mempunyai perasaan yang tinggi berkaitan aspek akidah. Walaupun begitu terdapat beberapa item mencatatkan dapatan yang kurang memuaskan. Dapatan bangga semua sunnah Rasulullah SAW sesuai di amalkan pada zaman kini mencatatkan nilai min sederhana rendah (min=2.74). Seramai 140 orang murid daripada 254 orang murid tingkatan empat di SMKA di Sabah tidak berasa bangga semua sunnah Rasulullah SAW sesuai di amalkan pada zaman kini. Manakala 30 orang murid menyatakan kurang setuju. Ini menunjukkan bahawa ramai murid tingkatan empat di SMKA di Sabah tidak pasti sama ada semua sunnah Rasulullah SAW sesuai diamalkan pada zaman kini atau tidak. Keadaan ini menghalang mereka untuk berasa bangga dengan pengamalan semua sunnah Rasulullah SAW.

Aspek pengamalan akidah di kalangan murid SMKA di Sabah mencatatkan nilai yang terendah berbanding aspek kefahaman dan aspek perasaan iaitu pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan kefahaman yang tinggi tidak menjamin amalan yang lebih baik. Dapatan tidak berjumpa bomoh dan pawang ketika mengalami gangguan halus mencatatkan nilai tinggi (min=4.85). Namun, masih terdapat 13 orang murid yang menyatakan kurang setuju dan tidak setuju untuk tidak berjumpa bomoh dan pawang apabila mengalami gangguan halus. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat murid tingkatan empat di SMKA di Sabah berjumpa dengan bomoh dan pawang apabila mengalami gangguan halus. Guru perlu mencari pendekatan yang terbaik dalam menerapkan pengajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran dalam diri murid agar unsur-unsur mensyirikkan Allah SWT terhindar dari amal perbuatan murid.

Hasil dapatan kajian ini selari dengan Zakaria (2005) menerusi kajian kefahaman terhadap keimanan kepada Allah dan amalan harian murid, kajian kes di Perak. Tujuan kajian tersebut untuk mengenal pasti keberkesanan kefahaman tentang keimanan kepada Allah terhadap amalan murid harian. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa hubungan antara kefahaman terhadap keimanan kepada Allah dengan amalan wajib adalah sederhana manakala amalan sunat dan amalan meninggalkan larangan Allah adalah berada pada tahap yang lemah.

Begitu juga kajian Ahmad Munawar (2009) dalam kajiannya pengaruh akidah dalam penghayatan akhlak. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan tahap pengetahuan akidah murid sekolah menengah kebangsaan di Malaysia adalah tinggi. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan tahap penghayatan akhlak murid turut dipengaruhi oleh tahap pengetahuan akidah mereka. Hal ini memberi gambaran bahawa semakin tinggi tahap pengetahuan akidah murid maka semakin tinggi tahap penghayatan akhlak mereka. Hasil dapatan analisis inferensi berkenaan pengaruh tahap pengetahuan akidah terhadap penghayatan akhlak mendapati apabila pengetahuan akidah meningkat seunit maka skor penghayatan akhlak murid juga akan meningkat sebanyak 0.6 unit.

Tajul Arifin (2002) berpendapat, pembentukan individu Islam mesti dimulakan dengan membina kekuatan akidah. Hal ini kerana kekuatan ini akan menerbitkan akhlak dan tingkah laku yang baik dan dihayati dalam bidang-bidang kognitif, afektif dan psikomotor. Menurut al-Qardhawi (2000) usaha-usaha berterusan dalam memantapkan akidah di dalam diri masyarakat Islam mampu menangkis segala kebatilan golongan pendusta dan keraguan golongan yang menyesatkan. Masyarakat yang beriltizam dengan akidah dapat merealisasikan sesuatu kebaikan dan seterusnya memberi kesan kepada individu dan masyarakat yang lain. Jelasnya, pengetahuan tentang akidah dan kemampuan memahami akidah mampu membentuk manusia yang berakhlak mulia.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Dalam kajian ini penghayatan akidah murid berada pada tahap sederhana. Sehubungan dengan itu jika guru PQS ingin meningkatkan penghayatan murid dalam pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran, maka guru PQS dan guru pendidikan Islam umumnya hendaklah memastikan pengajara ayat kefahaman Pengajian al-Quran di dalam kelas benar-benar memberi kesan dari aspek kefahaman dan perasaan sehingga boleh membentuk amalan murid selari dengan tuntutan kurikulum ayat kefahaman Pengajian al-Quran. Pelbagai usaha perlu dilakukan oleh guru pendidikan Islam umumnya dan guru PQS khususnya dalam menanamkan penghayatan akidah yang mantap dalam diri murid. Oleh itu dapatan kajian ini menunjukkan betapa pentingnya komponen-komponen dalam penghayatan akidah diberi penekanan dalam proses meningkatkan penghayatan yang lebih baik dari semasa ke semasa.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini bermanfaat secara umumnya kepada guru PQS dan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran komponen ayat kefahaman al-Quran untuk melihat sejauhmana penghayatan akidah murid dari segi kefahaman, perasaan dan amalan. Justeru guru perlu mempunyai kemahiran pedagogi ayat kefahaman Pengajian al-Quran yang tinggi dalam usaha membentuk penghayatan akidah di kalangan murid melalui pengajaran ayat kefahaman al-Quran. Guru juga semasa mengajar perlu menanamkan dalam diri murid asas-asas akidah yang kukuh walaupun ianya tidak termasuk dalam peperiksaan yang terpaksa diduduki oleh murid. Pelbagai usaha perlu dilakukan oleh guru PQS khususnya dan umumnya guru pendidikan Islam agar murid sentiasa berkembang pemikiran mereka dengan ilmu-ilmu akidah yang kukuh khususnya yang terdapat dalam pengajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran. Kesimpulannya, penghayatan akidah murid dalam pembelajaran ayat kefahaman Pengajian al-Quran masih lagi perlu diperbaiki dan dipertingkat walaupun berada pada tahap tinggi demi menjamin masyarakat Islam yang mantap akidahnya dari segi kefahaman dan perasaan serta dapat mengelakkan amalan-amalan akidah sonsang dalam kehidupan seharian.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Khadijah Razak. (2003). *Pengajaran akhlak di sekolah-sekolah menengah: persepsi murid-murid*. Proseding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3) Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 2000. *Ciri-ciri unggul masyarakat Islam yang kita idamkan*. Terj. Mohammad Zaini Zakaria. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran penghayatan pendidikan Islam murid-murid sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Doktor Flasafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2002). *Sukatan muridan kurikulum bersepadu sekolah menengah: Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Fathi Yakan. (1992). *Apa ertinya saya menganut agama Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Haji Said (2000)
- Haji Said, 1996
- Jaffry Awang (2008)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Sukatan Murid dan Sekolah menengah*. Pendidikan Islam Tingkatan I-V.
- Mohd Ashraf Che Soh@Yusoff. (2010). *Pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid di sekolah menengah daerah Kota Kinabalu, Sabah*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fauzi Hamat. 2002. *Peranan akidah dalam pembangunan ummah satu analisis dalam konteks masyarakat kini*. Jurnal Usuluddin. Disember 2002 (bil. 16): hlmn 13-34
- Norhisham et. al. (2014),
- Sayid Sabiq. (1978). *Akidah Islam*. Terj. Moh Abdai Rathomy. Bandung: Diponegro
- Tajul Arifin & Nor'Aini Dan. 2002. *Paradigma pendidikan bersepadu: perkembangan dua dekad*. Dlm. *Pendidikan dan pembangunan manusia*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1994). *Konsep Ilmu dalam Islam*. Terj Rosnani Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Abdullah. 2003. *Persepsi, minat dan penghayatan terhadap mata muridan pendidikan Islam di kalangan murid-murid tingkatan lima di SMK Muzaffar Syah Simpang Empat, Semanggol, Perak*. Kertas Projek Sarjana pendidikan UKM
- Yusuf al-Qardhawi. (1996). *Membangun ummah satu kenyataan bukan khayalan*. Terj Ahmad Nuryadi Asmawi. Batu Caves: Thinkers Library Sdn. Bhd.
- Zakaria Din. 2005. *Kajian kefahaman terhadap keimanan kepada Allah dan amalan harian: kajian di sekolah menengah Daerah Kerian, Perak*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan UKM.
- Zakaria Stapa. (1999). *Akidah dan akhlak dalam kehidupan muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.